



Bagaimana iblis Menghalang Doa-doa Kita.

PERTARUNGAN DI ALAM SYURGAWI

oleh John Mulinde, Obsteig (Austria) Nov. 2000

www.DivineRevelations.info/Malaysian

Saya ingin berkongsi sebuah kesaksian seorang yang telah diselamatkan, seorang yang telah berkhidmat untuk iblis. Apabila lelaki ini menceritakan kesaksiannya, saya berasa amat tercabar, dan enggan mempercayainya. Saya lalu berpuasa selama sepuluh hari untuk Tuhan dan bertanyakan kepadaNya, “*Tuhan, adakah ini benar?*” Pada masa itu juga Tuhan mula mengajarkan kepada saya apa yang berlaku di alam rohani saat kita berdoa.

Lelaki ini dilahirkan selepas kedua orang tuanya memepersembahkan diri mereka sendiri kepada lucifer. Semasa dia masih di dalam rahim lagi, mereka banyak melakukan upacara memepersembhkannya kepada lucifer. Saat dia berusia empat tahun, dia mula mengamalkan kuasa batinnya, malah kedua orangtuanya gentar kepadanya. Saat dia berusia enam tahun, ayahnya telah menyerahkannya kepada ahli sihir untuk dilatih. Pada usia sepuluh tahun, dia telah melakukan banyak perkara besar bagi kerajaan iblis. Dia juga amat digeruni oleh ahli sihir yang lain.

Dia masih lagi seorang anak muda namun dia telah melakukan banyak perkara yang dahsyat. Dia membesar sebagai anak muda berusia dua puluhan dengan banyak pertumpahan darah di tangannya. Membunuh sesuka hati. Dia juga mampu keluar dari badannya melalui meditasi *transcendental*. Dia juga mampu mengapungkan diri. Kadangkala badannya akan terangkat dari tanah dan kekal di udara. Kadang-kadang dia membuatkan dirinya kerasukan dan keluar dan meninggalkan jasadnya, dia akan keluar ke dunia, ini dipanggil perjalanan astro.



(*astro-travelling*). Lelaki ini juga telah banyak kali digunakan oleh iblis untuk memecahkan banyak gereja serta memusnahkan banyak pastor.

Suatu hari, dia ditugaskan untuk memusnahkan sebuah gereja yang penuh doa. Dalam gereja ini banyak perpecahan dan kekeliruan berlaku. Dia lalu memulakan kerjanya untuk gereja ini, tapi pada saat itu, pastor telah memanggil seluruh gereja itu untuk berpuasa. Apabila gereja itu memulakan puasa, banyak pertaubatan dan perdamaian berlaku. Saat ahlinya bersatu, mereka mula berdoa untuk kerja Tuhan di tengah-tengah mereka. Mereka meneruskan doa syafaat dan merayu belas dan rahmat Tuhan memohon campur tangan dalam hidup mereka. Setelah hari-hari berlalu, lelaki ini kembali semula dengan roh-roh jahat untuk melawan gereja ini. Tetapi ada kata nubuat yang turun dan mengatakan bahawa umat Kristian harus bangkit dan melancarkan peperangan melawan kuasa kegelapan yang sedang menyerang gereja itu.

Suatu hari, roh lelaki ini keluar meninggalkan jasadnya untuk mengepalai sepasukan roh-roh jahat untuk melawan gereja tersebut. Ini merupakan kesaksiannya. Sementara rohnya sedang melayang-layang di atas gereja itu untuk melancarkan serangan, tiba-tiba ada satu cahaya menyelubungi gereja itu. Saat itu juga, sepasukan malaikat menyerang mereka dan pertarungan berlaku di udara, semua roh jahat telah lari namun dia sendiri telah diberkas oleh para malaikat itu.

Ya, telah diberkas oleh malaikat! Dia melihat dirinya dipegang oleh enam malaikat dan mereka membawanya menembusi bumbung gereja lalu meletakkannya di hadapan altar gereja. Dia berada di situ sementara jemaah gereja sedang berdoa. Mereka sedang khusyuk berdoa peperangan rohani, mengikat, mematahkan dan mengusir. Pastor sedang berada di atas platform mengetuai doa dan peperangan. Roh Tuhan berfirman kepada pastor, **“Kuk telah dipatahkan, mangsa telah berada di depanmu. Tolonglah dia melalui pelepasan.”** Apabila pastor membuka mata, dia melihat anak muda itu



terbaring di sana. Jasadnya telah bersatu dengannya; dia berada dalam tubuhnya. Anak muda itu tidak tahu bagaimana jasadnya bersama dengannya sedangkan dia telah meninggalkannya di rumah. Namun dia berada di situ dalam jasadnya, dia tidak tahu bagaimana dia telah masuk kecuali malaikat yang telah membawanya melalui bumbung.

Perkara ini sukar untuk dipercayai, namun pastor menenangkan gereja dan memberitahu mereka apa yang Tuhan firmankan kepadanya lalu bertanya kepada anak muda itu, *“Kamu ini siapa?”* Anak muda itu bergemeteran sambil roh-roh jahat keluar dari badannya. Mereka berdoa pelepasan, kemudian dia pun memberikan kesaksian tentang hidupnya. Anak muda ini sekarang telah datang kepada Tuhan dan seorang penginjil, memberitakan Injil. Dia sedang digunakan oleh Tuhan untuk membantu orang lain melalui pelepasan.

Suatu malam, saya, (John Mulinde) pergi ke jamuan makan. Sebab utamanya ialah bahawa ada seseorang telah memberitahu saya tentang anak muda ini dan saya ingin tahu tentang dia dan ingin melihat adakah ceritanya sah. Jadi saya pun duduk di jamuan pada malam itu dan akhirnya anak muda itu diberikan peluang untuk menceritakan kesaksiannya. Dia menceritakan tentang banyak perkara. Kadangkala dia menangis kerana perbuatan yang telah dilakukannya. Setelah selesai, dia menyatakan satu permohonan.

Banyak pastor berada dalam bilik pada saat itu. Dia kemudian berkata, *“Saya merayu kepada kamu, para pastor, tolonglah ajarkan mereka bagaimana untuk berdoa.”* Mereka yang tidak berdoa, boleh diperlakukan apa saja, apa saja oleh iblis, dan musuh boleh mengeksploitasi kehidupan dan doa-doa mereka. Musuh ini tahu mengeksploitasi doa-doa mereka yang tidak tahu cara berdoa dengan betul. *“Ajarilah mereka bagaimana cara menggunakan perisai rohani yang telah Tuhan sediakan.”*



Kemudahan dia berkongsi bagaimana dia mengepalai pasukannya ke udara. Dia akan pergi bersama ejen-ejen iblis dan roh-roh jahat ke udara. Ia seperti shif, anda harus pergi dan bekerja dalam shif. Jadi apabila ada masa, dia akan pergi dan berperang di udara. Dia mengatakan, semasa di udara, di alam roh, sekiranya kawasan itu diselimuti kegelapan, selimut itu amat tebal, seakan-akan batu. Ia meliputi seluruh kawasan. Semua roh kemudian dapat bergerak dan berada di atas dan bawah selimut tersebut. Dari peringkat itu, mereka mampu mempengaruhi semua kejadian yang berlaku di bumi.

Apabila roh jahat dan ejen-ejen iblis meninggalkan shif mereka, mereka turun ke bumi pada titik perjanjian, bahkan air dan tanah pada titik perjanjian itu untuk menyegarkan roh mereka. Bagaimana caranya mereka menyegarkan roh mereka? Dengan korban-korban yang manusia persembahkan di altar-altar. Korban ini daripada amalan sihir, korban dari segala jenis darah termasuk pengguguran, peperangan, pengorbanan manusia dan binatang. Ia juga merangkumi korban dari seks tidak bermoral di mana manusia melakukan segala jenis kegiatan seks yang tidak wajar dan seks rambang. Semua perkara ini memberikan tenaga dan kekuatan untuk kuasa mereka. Terdapat banyak jenis pengorbanan.

Dia mengatakan apabila ejen-ejen iblis berada di alam syurgawi, dan semua Kristian mula berdoa di bumi, doa orang-orang Kristian wujud dalam tiga bentuk. Semua doa kelihatan seperti asap yang naik ke syurga.



Sesetengah doa akan kelihatan seperti asap dan mengepul ke atas lalu hilang di udara. Doa-doa ini datangnya dari mereka yang mempunyai dosa dalam hidup mereka dan mereka tidak sanggup untuk menyelesaikannya. Doa-doa mereka amat lemah dan ia akan terbang hilang di udara.

Jenis doa yang satu lagi juga menyerupai asap yang naik sampai ke batu tersebut namun ia tidak memecahkan batu. Ini merupakan mereka yang berusaha untuk menyucikan diri, namun mereka kurang percaya dengan apa yang mereka sedang lakukan semasa mereka berdoa. Mereka selalunya mengabaikan aspek-aspek penting yang diperlukan semasa berdoa.



Doa jenis yang ketiga seakan berupa asap yang dipenuhi oleh api. Sambil ia naik, ia amat panas dan apabila menyentuh batu itu, batu itu akan mencair seperti lilin. Ia menikam dan menembusi batu itu.



Setiap kali apabila orang memulakan doa, doa-doa tadi kelihatan seperti jenis pertama, namun apabila mereka terus berdoa, doa itu berubah seperti doa yang kedua tadi. Sambil mereka meneruskan doa, ia tetiba beryala menjadi api. Doa mereka yang itu menjadi semakin berkuasa sehingga mampu menembusi batu itu.

Banyak kali apabila ejen-ejen iblis perasan yang doa-doa itu berubah dan hampir bertukar kepada api, ejen-ejen ini akan berhubung dengan roh-roh lain di bumi dan menyatakan, ***“Alihkan perhatian orang itu dari berdoa. Hentikan mereka berdoa. Tarik mereka keluar.”***

Banyak kali orang Kristian mengalah kepada gangguan ini. Mereka sedang menekan, bertaubat, mereka membenarkan Firman untuk menguji roh mereka, iman juga sedang dibangun. Doa-doa mereka menjadi semakin fokus. Apabila iblis melihat doa-doa mereka sedang mengumpulkan kekuatan, saat itulah gangguan akan berlaku. Telefon akan berdering. Kadangkala apabila kita sedang berdoa dengan penuh semangat, telefon berdering dan kamu anggap kamu boleh pergi menjawab telefon itu kemudian meneruskan doa kamu. Apabila kamu kembali, kamu kembali seperti keadaan asalnya. Inilah yang iblis mahukan terjadi.

Jenis gangguan yang lain akan datang, walaupun ia bermaksud menyentuh badan anda dan mendatangkan kesakitan di beberapa tempat. Ia boleh membuatkan anda berasa lapar dan anda ingin pergi ke dapur menyediakan makanan. Asalkan mereka mampu membuatkan anda meninggalkan tempat itu, mereka telah berjaya. Dia kemudian memohon kepada pastor-pastor, *“Ajarlah mereka. Luangkan sedikit masa. Bukan untuk berdoa yang santai. Mereka boleh berbuat demikian sepanjang hari. Sekali sehari, mereka harus mempunyai saat di mana mereka fokus sepenuh hati kepada Tuhan, tiada apa akan mengganggu mereka.”*



Sekiranya mereka bertahan dalam berdoa seperti ini dan membiarkan mereka diilhamkan dalam roh dan meneruskannya, sesuatu akan berlaku di dalam roh. Api itu menyentuh batu dan mencairkannya. Seperti kata anak muda ini tadi, apabila ia mencair, ia amat panas, tiada roh jahat dan roh manusia sanggup bertahan. Mereka akan terbang pergi melarikan diri.



Muncullah bukaan di alam roh. Apabila keadaan ini terjadi, segala masalah dalam berdoa akan terhenti. Orang yang berdoa di bawah itu akan merasa doanya menjadi lancar, amat indah, berkuasa dan khusyuk. Saya menemukan yang pada saat itu, kita akan hilang kesedaran tentang masa dan perkara yang lain. Bukan bermaksud kita tidak terurus. Tuhan telah menguruskan masa kita. Ia seakan kita menyerahkan segalanya kepada

Tuhan dan bergantung sepenuh dengan-Nya. Lelaki ini mengatakan saat doa itu telah menembusi, tiada halangan lagi dan seseorang itu boleh berdoa selama mana yang dia mahu. Tiada lagi halangan baginya.

Dia kembali mengatakan, selesai berdoa, lubang itu masih terbuka. Apabila orang itu bangkit dari tempat berdoa dan berjalan, lubang itu tetap bergerak mengikuti mereka. Mereka tidak lagi bekerja di bawah selimut. Mereka berkerja di bawah syurga yang terbuka. Dia mengatakan lagi, pada keadaan itu, iblis tidak lagi mampu mengganggu mereka. Hadirat Tuhan seolah seperti satu tiang dari syurga yang menyelubungi hidup mereka. Mereka dilindungi dan sambil mereka bergerak ke setiap arah, kuasa-kuasa yang terbit dari tiang itu menyentuh orang lain. Ia memperlihatkan apa yang musuh telah lakukan pada orang lain. Apabila orang itu bercakap dengan mereka yang berada di sekitarnya, orang lain telah masuk ke dalam tiang itu. Selagi mereka berada dalam tiang tersebut, segala ikatan iblis akan lemah.

Jadi, apabila mereka yang mempunyai penembusan rohani ini memberitakan Yesus Kristus kepada mereka yang berdosa, rintangannya lemah. Ia amat mudah untuk membawa mereka keluar. Apabila mereka mendoakan orang sakit atau perkara lain, hadirat-Nya yang ada di situ akan menunjukkan kelainan dari yang biasa. Iblis amat membenci mereka yang seperti itu. Orang itu juga berkata sekiranya suatu tempat yang sering digunakan untuk berdoa seperti itu, hadiratNya akan datang dan tinggal di situ. Jadi apabila mereka yang belum kenal Tuhan memasuki kawasan itu, segala ikatan yang ada akan tiba-tiba lemah.



Seandainya ada seseorang yang penuh sabar dan kasih datang menginjili, mereka akan lebih mudah ditarik keluar, bukan oleh kuasa dan kekuatan namun dengan Roh Tuhan yang hadir di sana. Dia berkata lagi, sekiranya tiada orang berbuat apa-apa pun, apabila mereka memasuki hadirat-Nya, mereka akan berasa bersalah dan mula bedebat sama ada mereka harus tunduk atau tidak. Sekiranya mereka tidak ditarik keluar, apabila mereka meninggalkan hadirat-Nya, ikatan akan menjadi semakin kuat. Iblis juga akan berusaha sedaya upaya untuk menghalang mereka kembali ke persekitaran sebegitu.

Anda dapat bayangkan kami semua yang duduk ini melihat ke arah lelaki itu. Dia menyatakan perkara yang dia biasa perbuat dan lihat sebelum ini. Dia juga memberitahu apa yang biasa mereka lakukan kepada mereka yang orang-orang yang berjaya melakukan penembusan dalam doa. Mereka akan menandai orang itu dan mengkajinya. Mereka akan menggali seluruh perkara yang berkaitan dengan orang itu agar mereka tahu tentang kelemahannya. Jadi apabila seseorang berjaya melakukan penembusan dan mengalahkan mereka, mereka akan berkomunikasi dengan roh-roh lain dan mengarahkan, "*Sasarkan dia dengan itu dan ini. Semua ini adalah kelemahan-kelemahannya.*" Jadi apabila orang ini berjalan keluar dari ruang doa, roh dari doanya bersama dengannya, hadirat-Nya bersertanya dan semangatnya tinggi, sukacita Tuhan adalah kekuatannya. Sambil dia bergerak, musuh akan cuba membawakan perkara yang akan mengalihkan fokusnya kepada Tuhan.

Andai kelemahannya terletak pada kemarahan, maka musuh akan cuba menyebabkan orang lain membuatkan orang itu naik marah. Sekiranya dia tidak peka kepada Roh Kudus dan membiarkan dirinya jatuh ke dalam kemarahan, dia akan mengalihkan pandangannya dari Tuhan. Dia akan naik marah serta tidak dapat menguasai kemarahan. Selepas beberapa minit kemudian dia ingin melupakan kemarahan dan bergerak seiring dengan sukacita Tuhan, namun dia tidak merasakannya lagi. Dia cuba untuk berasa sukacita seperti sebelumnya namun tidak berjaya. Mengapa? Sambil dia tunduk kepada pencobaan, mereka di atas cuba sedaya upaya menutupi pintu di atas. Sebaik saja mereka berjaya, hadirat-Nya terus terputus. Orang ini masih tetap menjadi anak Allah, tapi urapan yang diberikan padanya serta hadirat-Nya akan diputuskan. Mereka akan mencari di mana kelemahannya.

Sekiranya pencobaan itu berbentuk seksual, musuh akan menyediakan orang, peristiwa mahupun sesuatu yang akan membawa orang itu ke arah pencobaan. Seandainya orang itu tunduk kepada pencobaan dan membuka mindanya untuk menerima fikiran-fikiran dan melayannya, dan selesai

dengan semuanya dia mahu berpatah balik ke keadaan dalam urapannya, dia tidak akan menemukannya kembali. Mungkin anda akan berkata, “Ini tak adil.” Ingatlah apa yang Alkitab nyatakan, “Kenakanlah topi keselamatan. Pakailah baju zirah keadilan.” Kita biasanya tidak akan melihat posisi ini, senjata-senjata ini hanya terdapat dalam perang sahaja. Harus diingat bahawa Yesus telah mengingatkan dalam Doa Bapa Kami. **“Janganlah membawa kami ke dalam pencobaan, tapi lepaskanlah kami dari yang jahat.”**

Setiap kali anda telah berjaya melakukan penembusan dalam doa dan apabila hampir kepada penghujungnya, sentiasa ingat bahawa anda juga tetap seorang manusia biasa. Ingatlah bahawa anda masih belum sempurna. Mintalah, *“Tuhan, saya sungguh menikmati saat berdoa ini, tapi apabila saya keluar menuju ke dunia, janganlah bawa saya masuk ke dalam pencobaan, dan janganlah membiarkan saya masuk ke perangkap iblis. Saya tahu bahawa musuh sedang memasang perangkap untuk saya di luar sana. Saya tak tahu bagaimana bentuknya. Saya tahu saya masih lemah di beberapa tempat. Sekiranya saya berada di tempat yang sesuai, mungkin saya akan tunduk. Lindungilah saya, Tuhan. Apabila Engkau melihat saya membelok ke sudut letaknya perangkap itu, alihkan saya agar membelok ke arah lain. Tuhan, saya mohon agar Engkau campur tangan. Jangan biarkan saya bergerak dengan keupayaan dan kekuatan sendiri. Jauhkanlah saya dari si jahat.”*

Tuhan mampu melakukan itu. Dia mampu. Itulah sekiranya sesuatu berlaku, apa yang perlu kamu ucapkan ialah, *“Terima kasih, Tuhan Yesus.”* Ini adalah mengapa Rasul Paulus menulis dalam Tesalonika, *“Syukur kepada Tuhan atas segalanya kerana itulah kehendak Tuhan dalam Kristus untukmu.”* Ada perkara yang tidak bagus. Kadangkala menyakitkan, dan kita terfikir mengapa Tuhan membiarkan sahaja. Andai kita tahu apa yang telah Dia lakukan demi menyelamatkan kita, seharusnya kita mengucap syukur kepada-Nya. Apabila kita belajar untuk percaya kepada-Nya, kita cuma harus bersyukur kepada-Nya atas segalanya.

Yang terkasih, saya tak akan pergi lebih lanjut lagi kerana saya tidak mahu memulakan sesuatu yang tidak mampu saya habiskan. Biar saya membuat satu langkah ke depan. Lelaki ini mengatakan apabila berlaku penembusan, jawapan akan sentiasa datang. Tidak pernah ada kes di mana penembusan doa terjadi dan tiada jawapan tiba. Jawapannya sentiasa datang namun kebanyakan kes, jawapan itu tidak sampai kepada orang yang meminta. Mengapa? Peperangan di udara. Dia mengatakan, asalkan mereka berjaya memotong hubungan syurgawi yang terbuka dan batu itu kembali ke asalnya, mereka akan memperhatikan orang ini kerana mereka tahu jawapannya akan tiba.

Lelaki ini telah menyatakan sesuatu yang telah menggoncang iman saya, kerana satu bahagian kesaksiannya telah membuatkan saya berpuasa selama sepuluh hari untuk bertanya kepada Tuhan, adakah ini benar? Bolehkah Kau buktikan pada saya? Lelaki ini mengatakan setiap umat kristian mempunyai satu malaikat penjaga yang melayani mereka. Dari Alkitab, kita tahu bahawa para malaikat merupakan roh-roh yang melayani kita. Dia menyatakan apabila kita berdoa, jawapan doa itu datang daripada tangan malaikat. Mereka diutus membawa jawapan seperti yang kita baca pada buku Daniel. Kemudian dia mengatakan sesuatu yang amat sukar; sekiranya orang berdoa dan tahu

tentang baju zirah rohani dan memakainya, jawabannya juga dibawakan oleh malaikat yang berpakaian zirah lengkap.

Sekiranya seseorang tidak memperdulikan baju zirah rohani, malaikat mereka juga datang tanpa perlindungan baju zirah. Orang Kristian yang tidak memfokuskan fikiran yang masuk ke minda mereka. Sekiranya mereka tidak memerangi minda mereka, maka malaikat mereka datang tanpa topi. Sebarang senjata yang anda abaikan abaikan di dunia, malaikat yang melayani anda tidak akan mempunyai senjata itu. Dalam erti kata lain, baju zirah rohani ita tidak melindungi jasad kita tapi melindungi rohani kita.

Lelaki ini menyambung, apabila malaikat tiba, mereka akan fokus dan memperhatikan kawasan yang tidak dilindungi, serta kawasan itulah yang akan diserang. Sekiranya dia tiada helmet, mereka akan menyerang kepalanya. Sekiranya dia tiada pelindung dada, mereka akan menyerang dadanya. Sekiranya dia tidak berkasut, mereka akan membuat api di bawah kakinya seolah-olah dia berjalan atas api. Saya hanya mengulangi apa yang dia nyatakan saja. Sebenarnya kami ada menanyakan,

“*Dapatkah malaikat merasai api?*” Anda tahu apa yang dia katakan pada kami? Ingatlah bahawa ini ialah alam roh. Mereka ialah roh yang berperang melawan sesama roh. Pertarungan itu amat sengit dan seandainya mereka berjaya mengalahkan satu malaikat Tuhan, perkara pertama yang mereka perbuat ialah menyasarkan jawapan yang sedang diutuskan bersama malaikat itu dan merampasnya. Inilah yang mereka berikan melalui agama sesat, amalan sihir, dan manusia mengatakan, “Saya memperolehinya dengan ilmu sihir.”



Ingatkah apa yang Alkitab nyatakan dalam buku Yakobus? Semua yang elok datang dari Tuhan. Jadi bagaimana iblis memperolehi hal-hal yang diberikannya kepada orang-orangnya? Ada orang yang tidak mendapat zuriat pergi ke pengamal ilmu sihir dan pemuja iblis, dan mereka mengandung!

Siapa yang memberi anak kepada mereka? Adakah iblis itu pencipta? TIDAK! Dia mencuri daripada mereka yang tidak berdoa sehingga ke penghujung. Yesus berkata, “*Berdoalah tanpa henti.*” Kemudian Dia mengatakan juga, “*Apabila Anak Manusia tiba, adakah Dia menemukan iman?*” adakah Dia akan menemukan anda menunggu-Nya? Atau anda telah berputus asa dan musuh akan mencuri apa yang anda telah doakan?

Lelaki ini mengatakan bahawa mereka tidak puas hanya dengan mencuri jawapan, namun berminat untuk menawan malaikat itu. Mereka mula bertarung dengannya. Kadangkala mereka berjaya menawan dan mengikat malaikat itu. Dia berkata, seandainya itu terjadi, orang Kristian itu merupakan mangsa mereka di bumi. Mereka boleh memperlakukan apa saja terhadap orang Kristian itu kerana dia telah ditinggalkan tanpa pimpinan Roh Kudus.

Saya bertanya kepadanya, “Maksudmu, seorang malaikat itu boleh ditawan oleh kuasa gelap?” Lelaki ini pun tidak tahu tentang Alkitab pada saat dia mengatakan semua ini. Dia kurang arif tentang Alkitab. Dia Cuma berkongsi pengalamannya sahaja. Dia meneruskan, mereka tidak akan

menawan malaikat itu lebih lama kerana apabila orang Kristian yang di tempat lain turut berdoa, pertolongan akan tiba dan malaikat dibebaskan. Sekiranya orang Kristian yang terlibat itu tidak berdoa sehingga habis, dia kekal menjadi tawanan. Kemudian musuh akan mengirinkan seorang malaikat mereka sendiri menyamar sebagai malaikat terang kepada orang ini, dan di situlah penyesatan akan berlaku. Penglihatan dan nubuat-nubuat palsu. Kepimpinan yang memesongkan, maksud saya memimpin, panduan rohani, membuat segala jenis keputusan yang salah. Orang ini juga akan terdedah kepada segala jenis serangan dan perhambaan.

Saya bertanya kepada Tuhan. Saya meninggalkan jamuan tadi dengan penuh gelisah. Saya berkata, *“Tuhan, amat sukar untuk saya mempercayainya.”* Ia telah menanggalkan segala keyakinan dan jaminan. Saya mencari Tuhan selama sepuluh hari, Tuhan telah melakukan dua perkara. Dia bukan sahaja mengesahkan perkara yang telah saya dengar, malah Dia membuka minda saya untuk melihat lebih daripada yang lelaki ini nyatakan telah berlaku di alam roh. Yang kedua, Dia memimpin saya untuk melihat apa yang seharusnya kita perbuat apabila perkara itu terjadi agar kita tidak dikalahkan melainkan memenangnya. Kita harus tahu tiga perkara dan harus mengenali sesungguhnya tiga perkara ini.

Satu: bagaimana mengendalikan senjata peperangan kita. Alkitab menggelarkannya baju zirah Tuhan. Ini bukan baju zirah kita, tapi baju zirah Tuhan. Apabila kita mengenakannya, kita mengizinkan Tuhan untuk berperang bagi pihak kita. Kedua: memahami hubungan roh yang melayani-malaikat-terhadap kehidupan rohani kita. Seharusnya kita peka terhadap apa yang berlaku dalam hati kita kerana ia meunjukkan apa yang berlaku berkaitan dengan kita di alam roh. Ini membawa kita kepada perkara yang ketiga : iaitu Roh Kudus.

Roh Kudus bukan sepatutnya datang kepada kita sebagai suruhan kita, melayani dan membawakan sesuatu perkara kepada kita. Ia tidak berkejar ke sana ke mari untuk memberitahu Bapa tentang keperluan kita. Itu adalah tugas malaikat. Roh Kudus hanya berada di sisi kita untuk memandu, mengajar, memimpin dan menolong kita untuk berdoa dengan betul. Perkara ni terjadi di alam roh. Dia berkata kepada kita, kadangkala Dia membangunkan kita di malam hari dan berkata, *“Berdoalah.”* Kamu berkata, *“Tidak! Ini bukan masanya.”* Dan Dia berkata, *“Berdoa sekarang!”* Mengapa? Sebabnya dia sedang melihat apa yang berlaku di dalam roh. Kadangkala Dia berkata, *“Esok-puasa!”* Kamu membalas, *“Oh, tak, saya akan mula pada Isnin!”*

Namun dia memahami apa yang berlaku di alam roh. Kita harus belajar untuk peka kepada Roh Kudus. Dia memimpin kita di jalan kebenaran. Yang terkasih, kita harus berhenti di sini. Mungkin esok hari, kita boleh bercakap mengenai bagaimana caranya kita dapat berdoa sepenuhnya, mengetahui pertarungan di dalam roh dan bagaimana kita dapat menembusi. Bagaimana caranya kita mengekalkan penembusan sesudah kita memperolehnya. Sekiranya kita mempelajarinya, ia akan menjadi menarik. Kemudian kita akan mempelajari bahawa peperangan itu bukan milik kita namun milik Tuhan! Haleluya!



Marilah kita bangkit. Lihatlah seseorang pada matanya, dan pikirkan berapa kali orang itu telah kehilangan apa yang Tuhan telah sediakan untuknya. Peganglah tangan yang lain, seandainya dua atau tiga orang dan katakan pada satu sama lain, “kita tidak perlukan kekalahan lagi! Kita dapat memenangkannya! Ada kuasa yang secukupnya untuk menang! Yesus telah melakukan segalanya.” Berdoalah untuk satu sama lain agar Tuhan membantu kita beroleh kemenangan. Kita tidak seharusnya kalah. Ada cukup kasih karunia, cukup kekuatan untuk kemenangan.

Terima kasih, Tuhan Yesus.